

03 JUN 2002

Sekolah/I

KESATUAN TENTANG LANGKAH TUTUP SEKOLAH TAMIL DAN CINA

IPOH, 3 Jun (Bernama) -- Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Sekolah Tamil hari ini menentang sebarang langkah mana-mana organisasi untuk menghapuskan sekolah jenis kebangsaan di negara ini.

Presidennya Shahul Hamid Mydin Shah berkata kewujudan sekolah Tamil dan Cina dalam sistem sekarang yang dijamin oleh perlembagaan, sepatutnya dibenarkan untuk diteruskan memandangkan tiada masalah yang timbul berikutan pengwujudannya.

"Ia telah menyumbang ke arah integrasi nasional dan keharmonian kaum di negara ini. Konsep Sekolah Wawasan seharusnya lebih diberikan penekanan ke arah mewujudkan integrasi nasional berbanding seruan supaya sekolah Tamil dan Cina ditutup," katanya di sini.

Shahul Hamid, yang juga setiausaha agung Kongres Kesatuan Guru-guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia, berkata baru-baru ini ada seruan supaya sekolah jenis kebangsaan ditutup agar hanya ada satu sistem sekolah kebangsaan bagi membentuk integrasi nasional.

Katanya isu itu timbul berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa 10 peratus daripada pelajar yang diterima masuk ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan kursus matrikulasi mulai tahun depan akan merupakan pelajar bukan Bumiputera.

Kumpulan tertentu yang menentang cadangan itu meminta supaya sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina ditutup agar hanya ada sistem sekolah kebangsaan manakala para pelajar pula bersaing berdasarkan merit.

"Kesatuan ini menyeru ahli pendidikan, politik dan Badan Bukan Kerajaan supaya tidak terlalu emosi, sebaliknya berfikir secara rasional dalam isu pendidikan yang mempunyai kesan jangka panjang terhadap negara," kata beliau lagi.

Shahul Hamid berkata kewujudan sekolah kebangsaan Tamil dan Cina dijamin dalam Akta Pendidikan 1996 dan oleh itu, tiada mana-mana pihak pun yang boleh mempersoalkan kewujudannya yang boleh menggoncang keharmonian kaum di negara ini.

Beliau berkata kesatuan itu turut menyokong kenyataan Perdana Menteri supaya MRSM dan kursus matrikulasi dibuka kepada pelajar bukan Bumiputera.

"Ia akan membolehkan persaingan sihat di kalangan pelajar berbilang kaum di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

AR RM ROS RON